

Memiliki kemahiran diperlukan syarikat pada masa kini

## Graduan TVET jadi rebutan industri

# 2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**BATU GAJAH** – “Berbaloi mengasah bakat di bawah program latihan teknikal dan vokasional (TVET) kerana pasaran bagi graduan TVET begitu luas ketika ini.”

Pandangan tersebut disuarakan Rozlee Ibrahim, 28, yang kini bekerja sebagai seorang juruteknik di sebuah syarikat penyedia sistem dan peralatan ternakan ayam, Pristine Glory Sdn. Bhd. di sini.

Berasal dari Tawau, Sabah, Rozlee yang juga pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebelum ini mengikuti latihan vokasional di Sekolah Menengah Teknik Tawau sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang elektronik di Institut Kemahiran Be-

lia Negara (IKBN) Seri Iskandar.

“Berebalkan kemahiran yang dimiliki, saya berjaya mendapat kerja berkaitan dengan bidang dipelajari. Saya ambil keputusan untuk terus menetap di Batu Gajah sejak 2015 kerana peluang kerjaya hadir tanpa saya menunggu terlalu lama.

“Bagaimanapun, ia tidak bermakna saya terus berhenti untuk mendalami ilmu berkaitan elektronik. Menerusi kenalan, saya mendapat tahu mengenai program TVET yang ditawarkan oleh Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak),” katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Tidak mahu membuang masa, Rozlee berkata, dia mengambil keputusan untuk mengikuti kursus *Basic Electric Single Phase* yang merupakan kursus jangka pendek anjuran Pasak pada Mei lalu.

Pasak adalah antara peneraju program *flagship* pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 di bawah Koridor TVET Malaysia.

Menerusi kursus tersebut, anak bongsu daripada tiga beradik itu berkata, dia terus men-



**PEMBANTU** teknikal, Mohd. Rabani Rusyaidi (kanan) memberi penerangan kepada Rozlee ketika ditemui di Batu Gajah semalam.

dalami ilmu berkaitan bidang elektronik seperti pendawaian asas, membuat papan kunci utama, menghasilkan pendawaian satu fasa serta mengenal pasti komponen elektronik.

“Saya tak boleh nafikan bahawa kursus yang ditawarkan ini

mempunyai banyak kelebihan. Selain daripada mengingati semula apa yang dipelajari sebelum ini, ia juga membekalkan saya dengan kemahiran-kemahiran baharu.

“Bahkan, ia juga membuka peluang kepada saya untuk me-

ngenali lebih rapat pemain dalam industri selain berkenalan dengan rakan-rakan baharu dalam bidang tersebut,” katanya.

Rozlee berkata, sebaik tamat menjalani kursus tersebut, dia hanya mengambil masa kurang dari sebulan sebelum mendapat kerja dengan majikannya ketika ini.

Tambahnya, dia bercadang untuk membuka perniagaan sendiri pada masa hadapan, namun buat masa ini fokusnya adalah mencari pengalaman sebanyak mungkin sebagai langkah persediaan.

“Daripada pemerhatian saya, bidang elektronik atau elektrikal mempunyai potensi luas yang seharusnya diterokai oleh golongan muda. Ia mampu mendatangkan pulangan lumayan kepada mereka yang berminat.

“Saya mahu membuka syarikat yang menawarkan perkhidmatan pendawaian dan penyelenggaraan di kediaman ataupun bangunan kerana ia mendapat permintaan tinggi daripada pengguna ketika ini,” katanya.

TARIKH: 7/7/23  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 9